Telefon : 088-257111
Faks : 088-212655
E-mail : bn.jbn@sabah.gov.my

JABATAN BENDAHARI NEGERI
Wisma Kewangan
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Ruj: JBN No. A/1149/VOL. IV/(65)

29 Oktober 1999

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Bendahari Daerah

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BILANGAN 13 TAHUN 1999
BAYARAN SARAAN BAGI BULAN JANUARI 2000 SEHUBUNGAN DENGAN MASALAH PEPIJAT ALAF MENJELANG TAHUN 2000 (Y2K)

1. TUJUAN

Tujuan pekeliling ini ialah untuk memaklumkan beberapa perubahan ke atas Jadual Penghantaran/Penerimaan Borang Input Pengemaskinian Bagi Tahun 2000 seperti yang terdapat dalam Lampiran B, Pekeliling, Jabatan Bendahari Negeri Bilangan 10 Tahun 1999 bertarikh 01 Oktober 1999.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Jadual bayaran saraan dan pencen bagi tahun 2000 telahpun dikeluarkan melalui Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bilangan 10 Tahun 1999 bertarikh 01 Oktober 1999 setelah mengambilkira masalah Pepijat Alaf Tahun 2000 (Y2K).

2.2 Walaupun Pelan Kontinjensi telah diambil untuk menangani masalah Y2K namun langkah alternatif harus juga diambil sekiranya perancangan awal itu menemui kegagalan. Oleh itu, Jabatan Bendahari Negeri telah memutuskan untuk menyediakan baucar dan cek gaji bagi bulan Januari 2000 sebelum 31 Disember 1999.

3. JADUAL BARU PENGHANTARAN/PENERIMAAN BORANG INPUT PENGEMASKINIAN BAYARAN SARAAN BAGI TAHUN 2000

3.1 Sehubungan dengan keputusan di perenggan 2.2 di atas maka ***Tiada BorangInput Pengemaskinian*** akan dihantar/diproses bagi bayaran saraan bulan Januari 2000. Data-data yang digunakan bagi bayaran saraan bulan tersebut akan menggunakan data-data dalam

...2/

Sistem Gaji Pusat (SGP) sehingga 18 Disember 1999. **Keputusan ini meliputi atau terpakai kepada semua Jabatan Mengakaun Sendiri.**

3.2 Tarikh akhir penghantaran/penerimaan borang input pengemaskinian bagi bayaran saraan bulan Februari 2000 juga diubah kepada 08 Januari 2000. Tarikh akhir penghantaran/penerimaan borang Input pengemaskini bagi bulan- bulan berikutnya tidak berubah.

4. PERKARA-PERKARA LAIN

4.1 Walaupun penyediaan baucar dan cek gaji bagi bulan Januari 2000 dilakukan pada bulan Disember 1999 namun tatacara perakaunan akan menggunakan akaun tahun 2000 seperti biasa.

4.2 Sebarang perubahan bayaran/potongan saraan, perkhidmatan atau sebagainya yang tidak dapat dilakukan melalui bayaran saraan bulan Januari 2000 hendaklah dilakukan melalui bayaran saraan bulan Februari 2000.

4.3 Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian jika berlakunya lebih bayaran, kurang dibayar atau sebagainya melalui bayaran saraan bulan Februari 2000.

5. PENUTUP

Jika ada sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila hubungi Seksyen Gaji Dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui nombor telefon 088-255628, 257111 atau E-Mail Sabahnet: acc.f.jbn@sabah.gov.my untuk mendapatkan maklumat atau penjelasan lanjut.

Sekian dan Terima Kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"
"BERJIMAT DAN MENABUNG AMALAN MULIA"

(PHILIP N.K.CHIU)
Bendahari Negeri

s.k Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU
(u.p: Encik Banesely Bullah)

...3/

s.k Pengarah Pertanian
Jabatan Pertanian
Menara Khidmat
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU
(u.p: Cik Phak Shiu Len)

s.k Pengarah Perhutanan
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN
(u.p: Encik Justine Sinsoi)

s.k. Pengarah Tanah Dan Ukur
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p: Encik Ag.Hashim Hj.Mohd.Yusof)

MGAR/jk29101999:223